

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 33

RUANGAN : TENGAH

33 dijangkiti Influenza B

**Guru, pelajar
MRSM Kuala Kubu
Bharu kini dalam
keadaan stabil**

MUHAMMAD AMINURALIFF
MOHD ZOKI DAN MOHD
RIDZUAN ABU HASSAN

KUALA KUBU BHARU

Seramai 33 pelajar dan guru Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Kubu Bharu di sini dijangkiti Influenza B.

Pengarah Kesihatan Selangor, Datuk Dr Khalid Ibrahim berkata, kes pertama direkodkan pada 14 Jun lalu.

Menurutnya, bagaimanapun tiada kes baharu dilaporkan sehingga kini dan status kesemua kes dilaporkan stabil sehingga 30 Jun lalu.



Seramai 33 pelajar dan guru MRSM Kuala Kubu Bharu dijangkiti Influenza B sejak 14 Jun lalu dan kini dilaporkan stabil.

Beliau berkata, sebelum ini pelajar dan guru terlibat mengalami simptom demam, batuk, selsema, muntah, cirit-birit dan pening.

"Seramai 13 orang mendapatkan rawatan pesakit luar namun tiada dimasukkan ke hospital," katanya semalam.

Menurutnya, langkah kawalan diambil termasuk pembasmian kuman.

Menurutnya, pihaknya akan terus memantau keadaan itu bagi memastikan tiada jangkitan baharu.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Pendidikan Selangor, Muhamad Radzi Abdullah berkata, tindakan penutupan sementara sesi sekolah hanya dilakukan sekiranya Jabatan Kesihatan mengeluarkan kenyataan berhubung perkara itu.

Menurutnya, keadaan di sekolah dan asrama terbabit masih terkawal malah ibu bapa dibenarkan membawa pulang pelajar yang mengalami simptom.

"Saya belum terima laporan berapa ramai pelajar yang sudah dibawa balik dan sekarang kita masih bergantung kepada siasatan Jabatan Kesihatan.

"Kita tunggu sama ada ada keperluan untuk merehatkan pelajar atau tidak.

"Pada hari ini (semalam) pun, kakitangan Jabatan Kesihatan ada datang ke sekolah untuk memeriksa kesihatan dan mengambil sampel darah pelajar," katanya.

Muhamad Radzi berkata, ibu bapa juga masih menunggu keputusan siasatan dan buat masa ini, pihaknya mengambil ketetapan untuk tidak menutup sesi persekolahan.

Menurutnya, ibu bapa dibenarkan membawa anak yang tidak sihat pulang ke rumah.